

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HGA 101 - Pengantar Geografi

Tarikh: 12 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Jawab LIMA(5) soalan semuanya; TIGA(3) soalan daripada Bahagian A, dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B. Sumbangan markah tiap-tiap soalan di Bahagian A ialah 15 markah, dan sumbangan markah tiap-tiap soalan di Bahagian B ialah 27.5 markah. Jelaskan jawapan anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

BAHAGIAN A - Jawab tiga(3) soalan.

1. Bincangkan sumbangan kajian geografi kepada masyarakat.
2. Mengapakah konsep skala adalah penting di dalam kajian-kajian geografis?
3. Apakah perbezaan di antara konsep 'pola' dan konsep 'proses' di dalam geografi?
4. Huraikan pengertian model dan jenis-jenis model di dalam geografi.
5. Huraikan salah satu takrifan geografi yang anda fikir adalah sesuai untuk menggambarkan geografi moden.

BAHAGIAN B - Jawab dua(2) soalan.

6. Sejauh manakah pertumbuhan penduduk yang pesat mempengaruhi kadar penggunaan sumber-sumber semulajadi? Bincangkan dalam konteks interaksi di antara manusia dan alam sekitar.

.../2

7. Bincangkan andaian-andaian dan prinsip-prinsip yang membolehkan kita memahami kewujudan penyusunan reruang dalam lanskap geografis. Merujuk kepada sama ada Model Gunatanah Von Thunen atau Teori Pusat Petempatan Christaller.
8. Bincangkan pendekatan-pendekatan baru mengenai kajian geografi wilayah. Mengapakah kajian geografi wilayah adalah berguna?
9. "Kesan buruk aktiviti manusia terhadap alam sekitar akan menjejaskan kualiti kehidupan manusia." Bincangkan.

-ooo000ooo-